



Dari kanan; Nisah, Syed Mohd Zakir dan Dr Arbak pada Program Bicara Buku Penulis Melaka yang diadakan di Sekolah Kebangsaan Kampung Tun Razak, Bukit Katil.

“Karya yang mendamai dan memurnikan akhlak serta mengangkat unsur ketuhanan perlu diberikan tempat teratas dalam usaha penyair membentuk bangsa mahupun negaranya”

Dr Arbak Othman,
Pensyarah Universiti
Putra Malaysia (UPM)

Teori sastera dalam bicara buku

» Proses kreatif seseorang pengarang boleh diamati dalam karya

Oleh Norizzah Baharudin
bhsastera@bh.com.my

Pendedahan teori sastera mutakhir perlu diperluaskan kepada masyarakat dengan menggunakananya pada karya sastera yang dapat dibaca, sekali gus memahami proses kreatif seseorang pengarang.

Berdasarkan hasrat itu, tiga karya penulis Melaka diketengahkan pada Bicara Buku Penulis Melaka yang diadakan di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Tun Razak, Bukit Katil, baru-baru ini, iaitu kumpulan puisi Murni tulisan Mokhtar Md Yasin; novel, 3 Enigma Cinta (Zamidah Hashim) dan kumpulan cerpen, Mimpi Seorang Hartawan (Osman Dol).

Setiausaha Ikatan Persuratan Melayu (IPM), Sharifah Aisiah Syed Mohazar, berkata penganjuran program itu diharap dapat mengete-

ngahkan karya sastera anak negeri itu untuk meningkatkan penghargaan sastera merentasi pelbagai genre termasuk puisi, novel dan cerpen.

Tingkatkan kefahaman pembaca

“Program ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kefahaman pembaca mengenai teori sastera mutakhir dan proses penghasilan karya, selain masyarakat dapat menyelami penyampaian mesej serta pemikiran yang tersirat di

dalam karya.

“Setiap karya ada maksud yang hendak disampaikan oleh pengarang dan bicara buku seperti ini dapat membantu peserta supaya lebih memahami karya,” katanya pada acara yang dirasmikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan (DBPWS), Rahim Omar.

Karya itu dibicarakan oleh Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Arbak Othman; Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara 2011, Syed Mohd

Zakir Syed Othman atau lebih dikenali sebagai SM Zakir dan penulis, Nisah Haron.

Sementara itu, Dr Arbak berkata, bahasa puitis berupaya menyampaikan makna secara indah melalui penggunaan dan pemilihan diction yang berbeza daripada ungkapan komunikasi biasa.

Murnikan akhlak, angkat unsur ketuhanan

“Nilai estetika penting dalam sesebuah karya sebagai seni ciptaan, manakala pertentangan dalam

sesebuah karya dapat menghasilkan dunia yang dibentuk oleh seni yang dikenali realiti, tetapi tertekan dalam hakikat sebenar.

“Karya yang mendamai dan memurnikan akhlak serta mengangkat unsur ketuhanan perlu diberikan tempat teratas dalam usaha penyair membentuk bangsa dan negaranya,” katanya.

Terdahulu daripada itu, Rahim berkata, kupasan oleh sarjana dan pengarang itu dapat membantu pengarang dan bakal penulis untuk mengenali kekuatan mahupun kelemahan sesebuah karya yang dihasilkan sebagai panduan.

Acara itu dianjurkan IPM dengan kerjasama DBPWS yang bertujuan meneruskan usaha melahirkan masyarakat yang bijak menilai dan memanfaatkan karya sastera.

Program itu disertai 40 peserta dalam kalangan pengarang dan pelajar institusi pengajian tinggi serta sekolah.